

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 2 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 7

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pelaksanaan Stage Bus Services Transformation (SBST) di Kuching. Nyatakan jangka masa tarikh pelaksanaan, pelan terkini serta terperinci, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Stage Bus Services Transformation (SBST) telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dengan operator rangkaian pada 22 November 2017 dengan tempoh pelaksanaan kontrak selama lima (5) tahun ianya telah diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri.

Di peringkat Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) merupakan agensi pelaksana SBST dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Perkhidmatan bas ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2019.

Pengendali atau operator rangkaian yang dilantik oleh Kerajaan adalah Konsortium Bas Bandaraya Kuching (KBBK) Sdn. Bhd. yang merupakan gabungan lima (5) buah syarikat pengendali bas sedia ada di Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan syarikat-syarikat tersebut ialah Bau Transport Company Sdn. Bhd., Biaramas Express Sdn. Bhd., City Public Link Bus Service Sdn. Bhd., Petra Jaya Transport (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Sarawak Transport Company Bhd.

Di bawah pelan SBST, sebanyak 130 buah bas baharu Diesel berhawa dingin (116 beroperasi, 14 gantian) dengan kapasiti 55 penumpang akan

disediakan, lengkap dengan ciri-ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), sistem WiFi, sistem kedudukan global (GPS) dan sistem tiket elektronik dengan penggunaan kad pintar untuk keselesaan pengguna.

Di bawah pelan SBST tersebut juga, jumlah 130 buah bas tersebut akan meliputi keseluruhan jarak sepanjang 560 km, jumlah 27 laluan (15 laluan teras (*trunk*) dan 12 laluan pengantara (*feeder*) dengan kadar operasi yang ditetapkan dalam Perjanjian Kontrak.

Jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak Stage Bus Services Transformation (SBST) ini adalah sebanyak RM45 juta setahun.